

## Terma dan Syarat Kempen Ganjaran Kad Debit Mastercard AmBank.

PERINGATAN: Peserta yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di bawah yang boleh didapati di [www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions](http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions). Jika Peserta yang Layak tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat di bawah, Peserta yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan wakil Bank yang diberi kuasa.

### 1. Definisi:

1.1 Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang diberikan kepada mereka kecuali jika konteks menyatakan sebaliknya:

<b>Kumpulan AmBank</b>	:	Merujuk kepada semua Perbadanan Berkaitan dan Syarikat Bersekutu Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sedia ada sekarang atau pada masa hadapan dan sebarang rujukan kepada 'Kumpulan AmBank' dalam Terma dan Syarat ini di sini, hendaklah merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank
<b>Bank</b>	:	Merujuk kepada AmBank (M) Berhad [No. Pendaftaran: 19690100016 (8515-D)] atau AmBank Islamic Berhad (No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)), kedua-duanya diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftaranya di Aras 22, Kumpulan AmBank, No 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.
<b>Kempen</b>	:	Merujuk kepada Kempen Ganjaran Kad Debit Mastercard AmBank yang dianjurkan oleh Bank, menurut Terma dan Syarat di sini.
<b>Notis Terdahulu</b>	:	Merujuk kepada notis yang dikeluarkan oleh Bank kepada pelanggannya di dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dan yang diterbitkan di laman web Bank di <a href="http://www.ambank.com.my">www.ambank.com.my</a> .
<b>Kad Debit</b>	:	Merujuk kepada semua Kad Debit Mastercard sedia ada, sah dan aktif yang dikeluarkan oleh Bank.
<b>Akaun Sertaan</b>	:	Akaun sertaan ialah CASA/CASA-I yang dipautkan kepada Kad Debit AmBank yang aktif. Akaun ini berfungsi sebagai akaun kewangan teras untuk pemegang kad, membolehkan transaksi seperti pembelian dan pengeluaran tunai.
<b>Pembayaran Automatik</b>	:	Penggunaan Kad Debit untuk pembayaran kepada pedagang yang menyokong kemudahan Pembayaran Automatik bulanan di mana pedagang mengenakan bayaran secara langsung kepada Kad Debit setiap bulan.
<b>Pulangan Tunai</b>	:	Merujuk kepada Pulangan Tunai yang diterima dari Ganjaran 1: 30% Pulangan tunai untuk Pembayaran Automatik.

## 2. Am

2.1 Kempen Ganjaran Kad Debit Mastercard AmBank (“Kempen”) dianjurkan oleh Bank dan terdiri dari 3 kategori, dengan tempoh kempen yang sepadan:

Kategori	Ganjaran	Tempoh Kempen
Ganjaran 1	30% Pulangan Tunai untuk Pembayaran Automatik	1 Julai 2026 to 30 Jun 2027
Ganjaran 2	Pengecualian Yuran Pengeluaran ATM Luar Negara RM10	1 Julai 2026 to 30 Jun 2027
Ganjaran 3	2x akses Domestik Plaza Premium Lounge	1 Julai 2026 to 7 Januari 2027

## 3. Kelayakan

3.1 Kempen ini ditawarkan kepada semua pemegang Kad Debit Bank yang baharu dan sedia ada dengan syarat berikut:-

- a) berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas;
  - b) mempunyai Kad Debit Mastercard yang aktif dalam Tempoh Kempen; dan
  - c) mempunyai akaun sertaan yang sah dan aktif untuk tujuan menerima Pulangan Tunai.
- Dirujuk sebagai (“Pelanggan Yang Layak”)

3.2 Pendaftaran tidak diperlukan untuk tujuan penyertaan dalam Kempen.

3.3 Untuk mengelakkan keraguan, kakitangan Kumpulan AmBank, samada kekal atau kontrak dan ahli keluarga terdekat (pasangan, anak-anak, adik beradik dan ibu bapa) adalah layak untuk menyertai semua Ganjaran.

## 4. Mekanik Kempen

### **Ganjaran 1: 30% Pulangan Tunai untuk Pembayaran Automatik (Tempoh Kempen: 1 Julai 2026 to 30 Jun 2027)**

4.1 Pelanggan yang Layak yang mengekalkan Baki Purata Bulanan (“MAB”) sebanyak RM 500 sebulan DAN berjaya mendaftar dalam sekurang-kurangnya tiga (3) atau lima (5) Pembayaran Automatik di Pedagang Layak (“Transaksi yang Layak”) dalam Jadual B: Pedagang Layak & MCC, pada Kad Debit mereka boleh memperoleh sehingga 30% Pulangan Tunai setiap bulan dan dihadkan kepada RM10 dan RM30 masing-masing.

Jadual A: Mekanik dan Had

MAB min	Kategori	Pulangan Tunai %	Had setiap pelanggan	Had Bulanan
RM500	3 Transaksi yang Layak	30%	Terhad kepada RM10 setiap pelanggan, setiap bulan	RM 20,000 setiap bulan
RM500	5 Transaksi yang Layak	30%	Terhad kepada RM30 setiap pelanggan, setiap bulan	

4.2. Hanya Transaksi yang Layak untuk Pedagang Layak dalam Kod Kategori Pedagang (MCC) berikut akan layak untuk pengiraan Pulangan Tunai. Mana-mana pedagang lain yang tidak disenaraikan di sini tidak akan dikira dalam Transaksi yang Layak.

Jadual B: Pedagang Layak dan MCC

Kategori	MCC & penerangan	Pedagang Layak
Penstriman + Kedai App Apple + Google Play	5815 – (Barang Digital – Media audiovisual) 5816 - (Barang Digital - Permainan) 5818 - (Barang Digital - Berbilang Kategori) 4899 - (Kabel, Satelit dan Perkhidmatan Televisyen dan Radio Berbayar Lain)	Youtube Apple Netflix Spotify iTunes Google Play Store Disney+ Amazon Prime Video Vimeo Viu Iqiyi
Telekomm	4812 - (Peralatan Telekomunikasi termasuk Jualan Telefon) 4814 - (Perkhidmatan Telekomunikasi) 5968 - (Pemasaran langsung: Pedagang langganan)	CelcomDigi Maxis Telekom Malaysia Unifi/MyUnifi Umobile YES/YES 4G/YES 5G
Utiliti	4900 - Utiliti: Elektrik, Gas, Minyak Pemanas, Sanitari, Air 5968 - Pemasaran Langsung: Pedagang Kesenambungan/Langganan	Tenaga Nasional Berhad Air Selangor Pengurusan Air Selangor Indah Water Konsortium
Productiviti	5734 - Kedai perisian komputer 7372 - Pengaturcaraan Komputer, Pemprosesan Data dan Perkhidmatan Reka Bentuk Sistem Bersepadu.	OPENAI (ChatGPT) Anthropic (CLAUDE) Google (Gemini)

4.3 Pemilihan pemenang di bawah Kempen di sini adalah atas dasar siapa cepat dia dapat dan Bank berhak untuk memilih pemenang mengikut budi bicaranya sendiri.

4.4 Pelanggan yang Layak berhak untuk memenangi Ganjaran Pulangan Tunai sekali setiap bulan kalendar, sepanjang Tempoh Kempen.

4.5 Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Sertaan pemenang, dalam masa tiga puluh (30) hari bekerja pada akhir setiap bulan kalendar sepanjang Tempoh Kempen, dan pemenang terpilih akan menerima notifikasi khidmat pesanan ringkas (SMS) atau notifikasi tolak AmOnline dalam masa satu (1) minggu selepas Pulangan Tunai didebitkan ke akaun.

**Ganjaran 2 Pengecualian Yuran Pengeluaran ATM Luar Negara RM10 (Tempoh Kempen: 1 Julai 2026 to 30 Jun 2027)**

4.6 Pelanggan yang Layak, adalah layak menerima pengecualian yuran RM10 yang dikenakan untuk Yuran Pengeluaran Tunai ATM luar negara. Untuk mengelakkan keraguan, ini tidak termasuk sebarang caj pihak ketiga, seperti yuran akses ATM yang dikenakan oleh bank luar negara masing-masing.

**Ganjaran 3: 2x akses Domestik Plaza Premium Lounge (Tempoh Kempen: 1 Julai 2026 to 7 Januari 2027)**


4.8. Pelanggan yang Layak yang mempunyai Baki Purata Bulanan (“MAB”) dalam Akaun Sertaan Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) dalam sebulan yang lalu, dan sekurang-kurangnya 5 transaksi Kad Debit dalam sebulan yang lalu, akan layak mendapat dua (2) akses percuma Plaza Premium Lounge (“PPL”) pada bulan seterusnya.

Table C: Mekanik

Keperluan	Ganjaran	Lokasi Plaza Premium Lounge yang berkenaan
1. Minimum RM10,000 MAB dalam sebulan yang lalu 2. 5 transaksi Kad Debit dalam sebulan yang lalu.	2x akses Domestik <b>Plaza Premium Lounge</b> pada bulan seterusnya	KLIA 1 KLIA 2 Penang International Airport Langkawi International Airport Senai International Airport

Untuk mengelakkan keraguan, akses lounge terhad kepada Plaza Premium Lounge yang berkenaan di atas sahaja dan tidak termasuk Plaza Premium Lounge yang berlokasi di luar negara dan Plaza Premium First.

Gambar Rajah 1: Contoh Syarat dan Kelayakan:



Dalam contoh ini, pelanggan yang mempunyai minimum RM10,000 MAB, dan 5x Transaksi Kad Debit dalam sebulan yang lalu (bulan ke-6), layak mendapat akses PPL pada bulan ke-7. Pelanggan terus mempunyai minimum RM10,000 MAB, dan 5x Transaksi Kad Debit pada bulan ke-7, sekali gus layak mendapat akses PPL pada bulan ke-8. Corak ini berterusan sehingga akhir Kempen.

4.8.1 Berikut adalah Akaun Sertaan yang layak dikira untuk MAB.

- (a) Basic Savings Account/Basic Savings Account-i (BSA/BSA-i);
- (b) Basic Current Account/ Basic Current Account-i (BCA/BCA-i);
- (c) TRUE Transact Current Account;
- (d) TRUE Transact Account-i;
- (e) Everyday Savings Account;
- (f) Family First Special Savings Account/Family First Special Savings Account-i;
- (g) Family First Everyday Account/ Family First Everyday Account-i (Family First/Family First-i);
- (h) AmPartner Account;
- (i) AmStar Current Account/AmStar Current Account-i; dan
- (j) AmWafeeq Savings Account-i.
- (k) TRUE Savers Account/-i

4.8.2 Sekiranya Pelanggan Yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun Sertaan dan/atau merupakan pemegang akaun bersama, hanya baki gabungan semua Akaun Sertaan pemegang akaun utama akan dikira terhadap keperluan MAB Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)..

Contoh:

Akaun Sertaan	MAB (RM)
Akaun satu nama sahaja	7,500
Pemegang akaun utama untuk akaun-bersama dengan Pelanggan A	1,500
Pemegang akaun sekunder untuk akaun-bersama dengan Pelanggan B	3,000
Pemegang akaun utama untuk akaun-bersama dengan Pelanggan C	1000
Jumlah MAB yang layak	10,000

Dalam contoh ini, Pelanggan Layak ialah pemegang akaun sekunder dengan Pelanggan B. Oleh itu MAB sebanyak Ringgit Malaysia Tiga-Ribu (RM3,000) tidak dikira terhadap Jumlah MAB yang layak.

4.8.3 MAB merujuk kepada purata baki penutup yang dikekalkan dalam akaun sepanjang tempoh sebulan. Baki akhir hari dalam semua Akaun Sertaan Pelanggan Yang Layak akan diambil kira untuk pengiraan. Ia dikira menggunakan formula berikut:

$$MAB = \frac{\text{Jumlah baki hari akhir harian dalam sebulan}}{\text{Jumlah hari dalam sebulan}}$$

4.9 Transaksi Kad Debit boleh dibuat melalui e-dagang, pembayaran dalam talian atau leretan fizikal di terminal Tempat Jualan pedagang.

4.10 Akses PPL dihadkan kepada empat ribu (4,000) penebusan sepanjang Tempoh Kempen, dan tertakluk kepada siapa cepat dia dapat..

4.11 Jika Pelanggan yang Layak gagal mengekalkan MAB sebanyak RM10,000 dalam sebulan yang lalu, atau tidak memenuhi transaksi Kad Debit 5x minimum dalam sebulan yang lalu, mereka tidak akan layak untuk akses PPL.

4.12 Akses yang diperoleh adalah sah untuk bulan kalendar yang berkenaan sahaja dan tidak boleh dibawa ke hadapan dan/atau dipindahkan ke kad atau akaun lain. Sebarang akses yang diperoleh tetapi tidak digunakan dalam bulan kalendar akan dilucuthakkan.

4.13 Kelayakan akses yang diperoleh akan dimuat semula setiap 7 haribulan, dari tarikh mula kempen. Untuk mengelakkan keraguan, akses hanya akan bermula pada 7 Julai 2026.

4.14 Kad Debit yang disekat dan tidak diaktifkan tidak akan mendapat akses ke Plaza Premium Lounge yang berkenaan. Pelanggan yang Layak hendaklah memastikan bahawa Kad Debit mereka berada dalam keadaan baik dan jika Kad Debit disekat, sila pastikan ia ditarik balik sekurang-kurangnya 7 hari bekerja sebelum tarikh yang dimaksudkan untuk mengakses Plaza Premium Lounge yang berkenaan.

4.15 Apabila Kad Debit diganti atau diperbaharui, Kad Debit sebelumnya akan menjadi tidak sah. Kad Debit yang baru diganti atau diperbaharui perlu diaktifkan dalam bulan kalendar yang sama dan kuota akses dan 2

penggunaannya daripada Kad Debit sebelumnya akan dibawa ke hadapan ke Kad Debit yang baru diganti atau diperbaharui sebaik sahaja ia diaktifkan. Kegagalan untuk mengaktifkan Kad Debit yang diganti atau diperbaharui dalam bulan kalendar yang sama akan menyebabkan kad baharu dikecualikan daripada muat semula kelayakan bulanan di bawah klausa 4.13.

Contohnya:

a) Jika Kad Debit sebelumnya mempunyai 2x akses dan telah menggunakan 1x akses, rekod ini akan dibawa ke Kad Debit yang baru diganti atau diperbaharui sebaik sahaja Kad Debit yang baru diganti atau diperbaharui diaktifkan.

b) Jika Kad Debit yang baru diganti atau diperbaharui tidak diaktifkan, rekod akses dan penggunaan kad sebelumnya tidak akan berada dalam Kad Debit yang baru diganti atau diperbaharui, dan ini boleh menyebabkan penafian akses di Plaza Premium Lounge kerana Kad Debit sebelumnya dianggap tidak sah.

4.16 Pelanggan yang Layak berhak mendapat satu akses dalam setiap tempoh 24 jam, dikira dari masa kemasukan pertama. Sebarang akses seterusnya dalam tempoh 24 jam yang sama, atau sebarang penginapan yang melebihi had dua (2) jam, akan tertakluk kepada caj yang dikenakan dan ditetapkan oleh Plaza Premium Lounge.

Contohnya: Jika Pelanggan yang Layak memasuki PPL pada 4:00 PM Waktu Malaysia (MYT, UTC+8) pada Hari 1, akses yang seterusnya hanya akan tersedia selepas 4:00 PM MYT (UTC+8) pada Hari 2.

4.17 Setiap akses dilengkapi dengan penggunaan ruang istirahat selama tiga (3) jam bergantung pada jenis PPL dan kemudahan percuma seperti kemudahan mandi, makanan dan minuman, surat khabar, majalah, maklumat penerbangan dan WIFI.

4.18 Pelanggan yang Layak dikehendaki mengemukakan Kad Debit dan Pas Masuk mereka sebelum masuk.. Plaza Premium Lounge berhak untuk menolak kemasukan kepada Pelanggan yang Layak sekiranya terdapat sebarang butiran Kad Debit atau Pas Masuk yang tidak sah.

4.19 Untuk orang dewasa dan kanak-kanak yang mengiringi Pelanggan yang Layak, diskaun diberi untuk:

a) Pembelian pakej 3 jam sahaja.

b) Setiap orang dewasa yang mengiringi Pelanggan yang Layak (berumur 12 tahun dan ke atas sahaja) boleh menikmati diskaun 25% untuk kadar masuk di semua Plaza Premium Lounge di Malaysia dan untuk lawatan seterusnya selepas akses dalam Klausa 4.8 telah habis. (Kadar Dewasa).

c) Kanak-kanak berumur antara 3 hingga 11 tahun akan menikmati diskaun sebanyak 30% untuk kadar masuk di semua Plaza Premium Lounge di Malaysia. (Kadar Kanak-kanak).

d) Bayi dari umur 2 tahun dan ke bawah layak mendapat akses percuma.

e) Pembayaran mesti dibuat dengan Kad Debit Mastercard AmBank (dikeluarkan oleh AmBank) sebelum masuk ke PPL.

Di bawah ialah contoh kadar masuk yang diterbitkan untuk Plaza Premium Lounge di Malaysia, (tidak termasuk kadar cukai semasa)

	Kadar Masuk	Kadar Dewasa	Kadar Kanak-kanak	Bayi
3 jam	RM256	RM192.00	RM179.20	Percuma

4.20 Kadar Masuk yang dinyatakan di sini adalah untuk rujukan sahaja dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Pelanggan dinasihatkan untuk menyemak kadar terkini yang berkenaan melalui saluran rasmi Plaza Premium Lounge. Pelanggan yang Layak juga dinasihatkan untuk merujuk kepada terma dan syarat terkini dan menyemak Lokasi Berkenaan yang diterbitkan di [ambank.com.my](http://ambank.com.my) sebelum mengakses mana-mana Plaza Premium Lounge di Malaysia.

4.21 Bank tidak membuat sebarang perwakilan tentang kualiti, kebolehdagangan untuk sebarang tujuan barangan dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Plaza Premium Lounge. Sebarang pertikaian tentang kualiti atau perkhidmatan mesti diselesaikan secara langsung dengan Plaza Premium Lounge. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan, kehilangan, atau kerosakan atau kemudaratan yang dialami atau ditanggung oleh atau berkaitan dengan promosi yang disediakan oleh Plaza Premium Lounge.

## 5. Hilang Kelayakan

5.1 Pelanggan yang Layak tidak akan layak untuk mengambil bahagian dan/atau akan hilang kelayakan serta-merta hilang kelayakan daripada menyertai Kempen jika Pelanggan yang Layak telah;-

- a) Melanggar mana-mana terma yang ditetapkan di sini;
- b) Peserta yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak secara tidak benar dalam apa jua cara semasa Tempoh Kempen;
- c) Peserta yang Layak telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang, atau penyalahgunaan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
- d) Telah diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
- e) Peserta yang Layak telah melakukan atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan mana-mana perbuatan salah yang ditetapkan di sini akan hilang kelayakan serta-merta daripada menyertai Kempen.

## 6. Terma Dan Syarat Umum

6.1 Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberi kebenaran dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Am untuk Akaun dan Perkhidmatan dan Terma dan Syarat Kad Debit. Peserta dikehendaki untuk log masuk ke laman web rasmi Bank di <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> untuk sebarang kemas kini Kempen atau terma dan syarat terkini (jika ada).

6.2 Bank akan mempunyai, pada bila-bila masa, hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen dengan Notis Terdahulu.

6.3 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam, atau menambah mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan secara khusus di sini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa, dengan pengeluaran Notis Terdahulu.

6.4 Melainkan dinyatakan sebaliknya, Terma dan Syarat di sini, termasuk sebarang pindaan padanya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau representasi lain yang terkandung dalam sebarang notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Kempen.

6.5 Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Pelanggan Yang Layak untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada pindaan, perubahan, pemadaman, penambahan atau perubahan terma dan syarat di sini melainkan jika perkara yang sama adalah semata-mata disebabkan oleh kecuaiian yang teruk dan/atau keingkaran Bank.

6.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Yang Layak untuk sebarang kerugian atau kos (termasuk kehilangan peluang perniagaan atau keuntungan) yang disebabkan oleh keadaan luar biasa dan tidak dapat dijangka di luar kawalan munasabah Bank yang tidak dapat dielakkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kemalangan, tindakan pegganas, kerosakan jentera, kekecohan awam, kebakaran, pertikaian industri, pergolakan buruh, sekatan keluar, bencana alam, rusuhan, mogok, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), atau sistem pemprosesan data, elektrik, sistem telekomunikasi atau kegagalan pautan penghantaran.

6.7 Bank tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan oleh mana-mana Pelanggan yang Layak untuk menyertai Kempen pada bila-bila masa disebabkan oleh sebarang ralat rangkaian, komunikasi atau sistem, gangguan dan/atau kegagalan.

6.8 Terma dan Syarat versi Bahasa Malaysia juga boleh didapati di [www.ambank.com.my/terms-and-conditions](http://www.ambank.com.my/terms-and-conditions).

6.9 Pemegang Kad yang Layak dikehendaki log masuk ke laman web korporat Bank di [www.ambank.com.my/terms-and-conditions](http://www.ambank.com.my/terms-and-conditions) untuk terma dan syarat terkini serta kemas kini Kempen, jika ada.

6.10 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan Yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank di 03-2178 8888 (Isnin - Ahad, 7.00 pagi hingga 11.00 malam) atau e-mel pihak Bank di [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).

**-End-**